





# Jaluma

Buletin Edisi 1/2014

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



Wadah  
wadah perkongsian ilmu



**Naib Canselor UTM**  
ketua pendakian Gunung Kinabalu



**MALAYSIA HR AWARDS 2013:**  
IIUM raih anugerah perak  
kategori Majikan Pilihan

# PTM MELAHIRKAN PEGAWAI AWAM BERFIKIRAN PROGRESIF



oleh: Azrina Alwi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah prasyarat penting bagi mengerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan. Justeru, modal insan sektor awam perlu dibangunkan di peringkat awal pelantikan (dalam tempoh percubaan) secara optimum agar dapat melahirkan pegawai awam yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif yang inginkan kecemerlangan serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya negara.

Cabaran utama membangunkan modal insan ialah menyediakan latihan yang mampu mentransformasikan minda pegawai awam untuk menjajarkan perlakuan mereka dengan matlamat sebenar perkhidmatan awam dan ekspektasi rakyat agar selari dengan hala tuju negara dan perubahan persekitaran. Perubahan minda yang ingin diterapkan sewajarnya menggalakkan pemikiran yang selari dengan aspirasi negara bagi menghasilkan nilai tambah dalam tugas dan berkeupayaan menyediakan pegawai awam yang membudayakan nilai-nilai murni perkhidmatan awam.

Proses transformasi minda perlu bagi membangunkan modal insan secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh pegawai awam bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. Program Transformasi Minda (PTM) diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. Mulai 1 Januari 2013, semua perbekalan dalam skim perkhidmatan mengenai keperluan hadir dengan jaya Kursus Induksi sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan telah dipinda dan digantikan dengan



PTM.

UTeM tidak terkecuali dari tuntutan menganjurkan PTM bagi menggantikan Kursus Induksi kepada staf barunya. Pada 28 Oktober - 1 November 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Kampus Bandar, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan PTM Bil 1 tahun 2013 bagi staf UTeM yang belum disahkan perkhidmatannya.

Penganjuran kali pertama sepanjang lima hari berkursus ini, melibatkan seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga Kumpulan Pelaksana. Penceramah-penceramah yang terlibat juga terdiri daripada pelbagai agensi antaranya Biro Tatanegara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Majlis Keselamatan Negara serta Jabatan Perkhidmatan Awam, Universiti Teknologi Malaysia dan penceramah dalaman UTeM.

